

Penyelidikan arkeologi versus penerbitan: pengalaman Sarawak

ABSTRACT

Penyelidikan arkeologi di Sarawak bermula pada tahun 1947 namun kajian berkaitan antikuitinya adalah lebih awal lagi. Hanya selepas tahun itu barulah kajian lebih aktif dilakukan oleh Muzium Sarawak dengan kerjasama pengkaji luar. Penemuan demi penemuan dilakukan telah menyumbang kepada perkembangan disiplin arkeologi dan penjelasan mengenai kebudayaan purba di Borneo serta Asia Tenggara. Kajian ini ada yang diterbitkan dan sebaliknya. Mengapakah hal ini berlaku? Seharusnya perlu ada saling melengkapi antara penyelidikan dan penerbitan dalam disiplin arkeologi. Makalah ini akan membincangkan bentuk hubungan kedua-dua entiti ilmiah berkenaan berdasarkan pengalaman di Sarawak dalam tempoh lebih dari setengah abad yang lalu. Hasil perbincangan ini akan dapat membuktikan bahawa mengapa negeri ini dianggap sebagai negeri yang ke hadapan dalam kajian dan penerbitan berkaitan disiplin arkeologi pada hari ini.